

25/03/2002

Tabung Haji mahu perbetul pengurusan dana: PM

SUBANG, Ahad - Tindakan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) menarik balik pelaburannya dalam Metrowangsa Asset Management Sdn Bhd bertujuan memperbetulkan pengurusan dana agensi itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, langkah itu tidak seharusnya disalah tafsir kerana apa yang berlaku sekarang berpunca daripada pengurusan lama Tabung Haji, bukan angkara pengurusan baru.

Malah, beliau menjelaskan, tindakan kerajaan menukar pengurusan dan panel pelaburan Tabung Haji tahun lalu bertujuan mengatasi kelemahan pelaburannya.

"Kita ambil tindakan dah, kita sudah masukkan orang baru. Ini masalah lama yang kita sedang berusaha untuk memulih semula," katanya sebaik tiba selepas mengadakan lawatan sembilan hari ke Russia, Jerman dan Poland, di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dekat sini.

Ditanya sama ada perlu bagi Tabung Haji menghentikan pelaburan di pasaran yang berisiko tinggi, sebaliknya menumpukan kepada pelaburan lebih selamat seperti simpanan tetap di bank atau saham amanah, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata:

"Ya...lah, kita sekarang ini tahulah risiko tetapi sebelum kegawatan, semua orang buat pelaburan macam orang gila. La ni, bila dah kena dan pasaran saham jatuh, semua orang tahu ini tak kena.

"Dulu tak siapa tahu dan bagi nasihat awal-awal sebelum terjadi. Itu sebabnya kita sudah tukar pengurusannya," katanya.

Panel pelaburan baru Tabung Haji yang dilantik pada September lalu mengkaji semula semua pelaburan oleh agensi itu dan mendapati pelaburannya dalam Metrowangsa berisiko amat tinggi.

Berikutan itu, Tabung Haji memberi notis kepada Metrowangsa pada 19 Oktober tahun lalu untuk menamatkan perjanjiannya dan Metrowangsa bersetuju untuk memulangkan semua pelaburan Tabung Haji.

Setakat ini, hanya RM120 juta dipulangkan menyebabkan Tabung Haji menyaman Metrowangsa dan peniaga mata wang Ahmad Hassan untuk mendapatkan kembali baki RM80 juta lagi.

Metrowangsa dalam jawapan balasnya bagaimanapun mengatakan tidak dapat memulangkannya kerana kerugian tertentu.

Tabung Haji, dalam samannya di Mahkamah Tinggi Sivil di sini pada 15 Februari lalu, memohon supaya dana agensi itu, yang dilaburkan oleh Metrowangsa dan Ahmad, disiasat.

Pada tarikh sama, Tabung Haji mendapat perintah menghalang daripada Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Malik Ishak, supaya Metrowangsa dan Ahmad tidak berurusan dengan aset pelaburan bernilai RM80 juta.

Akhir tahun lalu, orang ramai digemparkan apabila deposit berjumlah RM8.965 juta dalam Tabung Haji, hilang dan polis sudah membuat beberapa tangkapan.

Berikutan itu, bagi memantapkan pengurusan Tabung Haji tujuh tokoh yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang termasuk perniagaan, syariah dan kewangan diumumkan sebagai anggota panel pelaburan lembaga itu.

Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Capital Partners Berhad, Datuk Seri Syed Anwar Jamalullail diumumkan sebagai pengerusi panel itu.

Mereka yang menganggotai panel itu adalah Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syarie, Datuk Sheikh Ghazali Abd Rahman; Ketua Pengarah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, Dr Abd Malek Awang Kecil; Pengarah

Eksekutif MBF Holdings Berhad, Azizan Abdul Rahman; Ketua Perkhidmatan Korporat Amanah Capital Malaysia Bhd, Wahid Omar; Pengarah Hartanah Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, Mohd Bakke Salleh dan dua ahli perniagaan, Datin Paduka Zahridah Ismail dan Toh Puan Dr Hayati Mohammad.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar, kelmarin berkata jawatankuasa Tatatertib Tabung Haji kini menyiasat enam pegawai kanannya berhubung pelaburan agensi itu menerusi Metrowangsa yang menyebabkan kerugian berpuluh juta ringgit.

Noh dipetik sebagai berkata bahawa keenam-enam mereka sudah diberikan surat tunjuk sebab dan akan dipanggil membela diri di hadapan jawatankuasa itu.

(END)